

28/04/1998

Asnita dilancar 5 Mei

WANITA boleh membuat pelaburan dalam Amanah Saham Wanita (Asnita) mulai 4 Mei, iaitu sehari sebelum majlis pelancaran oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Pelancaran awal dijangka 29 April bagi memberi penerangan kepada semua pertubuhan wanita mengenai Asnita.

Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata walaupun Suruhanjaya Sekuriti (SC) belum memberi persetujuan secara rasmi untuk penubuhan Asnita, pihaknya yakin ia tidak menghadapi sebarang masalah.

Semua pemimpin wanita Barisan Nasional (BN) turut memberi persetujuan kepada penubuhan Asnita dan melahirkan sokongan untuk bekerjasama menggerakkan ahli masing-masing menyertainya.

Wanita yang mempunyai simpanan di dalam projek Ehsan Wanita mempunyai pilihan sama ada kekal bersama Ehsan Wanita atau menukar kepada Asnita.

Dijangka tukang emas rasmi yang bertauliah dan penukar wang akan turut serta bagi membantu wanita yang ingin menukar emas atau wang asing bagi tujuan melabur dalam Asnita.

(END)